

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقرأ

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

World Of Compassion -
WORLD #QuranHour
... a beginning
24 RAMADAN 1442H / 6 MAY 2021

LIVE HD Tazkirah Ramadhan :
Andainya Ini Ramadhan Terakhir
UiTM Cawangan S. Alam **m/s 6**

LIVE HD Perlembagaan Persekutuan
Dan Rukun Negara
UiTM Cawangan Shah Alam **m/s 7**

LIVE HD Nasib Si Penyusut
Di Pantai Ganu UiTM
Cawangan Terengganu **m/s 13**

Majlis Khatam Al-Quran dan
Bacaan Surah Al-Mulk UiTM
Cawangan Sarawak **m/s 26**

Sesi Chat Time PTAR 2021 bersama
Penolong Rektor UiTM
Cawangan Negeri Sembilan **m/s 15**



Untuk menonton
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung dalam segmen bicara buku UiTM Press: Mahkamah Syariah Di Malaysia: Menelusuri Cabaran Melestari Masa Hadapan. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Siti Salwa A. Rahman, Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama panel jemputan, Profesor Madya Dr. Mohamed Azam Mohd Adil.

Program ini telah dimulakan dengan memperkenalkan latar belakang panel jemputan Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohd Adil yang merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia. Sesi perkongsian diteruskan dengan penerangan daripada panel jemputan tentang isi kandungan buku yang bertajuk Mahkamah Syariah Di Malaysia: Menelusuri Cabaran Melestari Hadapan. Buku ini diterbitkan oleh 26 penulis hebat dari pelbagai latar belakang pada tahun 2020 oleh penerbit UiTM Press dengan kerjasama International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia.

Pengisian buku ini sangat menyeluruh yang membicarakan pelbagai perspektif tentang sejarah mahkamah di Malaysia, aspek dan bidangnya, serta undang-undang Islam yang diamalkan di Malaysia. Program ini membicarakan tentang memperkukuhkan kredibiliti mahkamah syariah mengikut tanda aras global iaitu meletakkan pencapaian yang perlu diketengahkan oleh mahkamah syariah dari pelbagai aspek misalnya, mengangkat pandangan jumlah hakim wanita di mahkamah syariah dan mahkamah sivil. Isu-isu berkaitan dengan mahkamah syariah dan mahkamah sivil yang berkait dengan pengukuhan kredibiliti, bidang kuasa, dan konflik yang melibatkan mahkamah syariah dan mahkamah sivil.

Antara keistimewaan yang terdapat dalam buku ini ialah perbincangan tentang hak asasi di mahkamah syariah dan perbincangan tanda aras global, cara mengharmonisasikan undang-undang Islam dengan lebih menyeluruh dan juga perbincangan secara mendalam tentang intipati perjalanan dari sudut sistem kehakiman dan perundangan bermula dari sejarah sehingga ke hari ini.

Harapan panel jemputan selaku penulis buku ini, beliau ingin melihat mahkamah syariah di Malaysia duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan mahkamah sivil dan juga membawa mahkamah syariah mencapai tanda aras global. Selain itu, panel juga berharap agar industri penerbitan buku mempergiatkan lagi galakan membaca dalam kalangan masyarakat melalui aktiviti seperti pameran secara maya bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan bertamadun. Beliau juga berharap supaya para penonton dan staf PTAR menjadikan membaca sebagai satu amalan dalam kehidupan.